

29/12/2003

Bukan Melayu kabur konsep MRSM

KUALA LUMPUR: Ibu bapa dan pelajar bukan Bumiputera perlu diberi masa untuk memahami segala proses permohonan serta cara hidup di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) memandangkan ia masih baru bagi mereka.

Ketua Biro Pendidikan Pemuda MCA, Dr Wee Ka Siong, berkata ibu bapa dan pelajar bukan Bumiputera masih kabur mengenai konsep MRSM kerana kerajaan hanya membuka pintu maktab itu kepada mereka tahun lalu.

"Ibu bapa dan pelajar Bumiputera sudah biasa dengan MRSM. Tetapi bagi golongan bukan Bumiputera, MRSM adalah sesuatu yang baru.

"Kami menerima banyak panggilan daripada mereka yang bertanyakan pelbagai soalan seperti bolehkah anak mereka keluar melawat mereka dan cara hidup di MRSM," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Pengerusi Mara, Datuk Wira Abu Seman Yusop, berkata beliau kecewa dengan bilangan permohonan pelajar bukan Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran di MRSM amat rendah.

Beliau berkata, tahun ini, pihaknya hanya menerima 300 permohonan daripada pelajar bukan Bumiputera berbanding 16,000 permohonan daripada pelajar Bumiputera untuk ke tingkatan satu MRSM.

Pada Jun 2002, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kerajaan memperuntukkan 10 peratus kuota kepada pelajar bukan Bumiputera ke MRSM untuk menggalakkan integrasi kaum.

Wee yang gembira dengan pertambahan jumlah permohonan tahun ini berkata, maklum balas daripada ibu bapa bukan Bumiputera khususnya kaum Cina lebih baik berbanding tahun lalu kerana promosi yang dilakukan oleh pihaknya di media massa dan sekolah.

"Berbanding tahun lalu, maklum balas tahun ini lebih baik kerana ada 300 permohonan berbanding 251 permohonan tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, buat masa ini, ibu bapa bukan Bumiputera masih kabur dengan cara hidup di MRSM dan kkuatir anak mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan cara hidup di sekolah berasrama pada usia semuda 13 tahun.

Katanya, Biro Pendidikan Pemuda MCA akan terus bekerjasama dengan Mara untuk membuat promosi bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman ibu bapa serta pelajar bukan Bumiputera terhadap proses permohonan dan kehidupan di MRSM.